



Ruj.kami : PKP(S)124-1/9 Jld.11( 19 )

Tarikh : 2 Mei 2017  
5 Syaaban 1438H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan,  
SARAWAK

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan,  
SARAWAK

YBhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

#### TAMBAHAN KEDUA

#### SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 2 TAHUN 2014

Pelanjutan Kontrak Pusat Bagi Membekal dan Menghantar Daging (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A' & 'B') Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tempoh 1 April 2017 Hingga 30 Jun 2017.

#### 1. PERIHAL

- 1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) menambah senarai syarikat untuk pelanjutan Kontrak Pusat bagi Membekal dan Menghantar Daging (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A' & 'B') Dan Badan Berkanun Persekutuan Seluruh Negeri Sarawak bagi tempoh tiga (3) bulan mulai 1 April 2017 hingga 30 Jun 2017.

#### 2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK

BIL.	NAMA/ALAMAT KONTRAKTOR / NO. TELEFON / FAX/ NOMBOR KONTRAK	ALAMAT / NO. AKAUN BANK
1	R & K Enterprise No. 6 Lock Up Stall Market, MDMD, Pasar Baru <b>96250 MATU</b>  Tel: 013-8211647  <u>No. Syarikat</u> : 1/2003  <u>No. Kontrak</u> PMS/124/KONT/2014-06	<u>Bank</u> Maybank Islamic Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibul  <u>No. Akaun</u> 561051231956

### 3. TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak ialah selama tiga (3) bulan berkuatkuasa mulai **1 April 2017 sehingga 30 Jun 2017**.

### 4. HARGA

4.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih bagi satu kilogram (1kg) termasuk semua cukai serta kos pembungkusan dan penghantaran ke tempat-tempat yang berkaitan.

4.2 Penetapan harga ditentukan mengikut Zon. Harga dan Zon untuk bekalan seperti di **Lampiran 'B'**.

4.3 Bagi agensi yang beralamat di Zon E iaitu Miri, Baram, Marudi, Limbang dan Lawas dibenarkan membuat pembelian daripada mana-mana syarikat yang dilantik di bawah kontrak ini. Harga bagi Zon E adalah kekal seperti di Lampiran B.

### 5. HAL-HAL LAIN

5.1 Perkara-perkara lain adalah sama seperti yang terkandung di dalam :

5.1.1 Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bilangan 2 Tahun 2014 bertarikh 20 Mac 2014; dan

5.1.2 Tambahan Pertama Surat Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Malaysia Sarawak Bilangan 2 Tahun 2014 bertarikh 3 April 2017.

5.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi PMS seperti di alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333 dan emel :-

(i) Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi - Sambungan 500  
Emel : [arfahiza.junaidi@treasury.gov.my](mailto:arfahiza.junaidi@treasury.gov.my)

(ii) Puan Krismawati Binti Esen - Sambungan 502  
Emel : [krismawati.esen@treasury.gov.my](mailto:krismawati.esen@treasury.gov.my)

(iii) Unit Perolehan - Sambungan 502

5.3 Arahan ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini ditandatangani.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD SAIFUL SUNGKIH BIN ABDULLAH)**  
Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

HARGA KONTRAK BAGI PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN  
1 KG DAGING (HALAL) MENGIKUT KAWASAN PEMBEKALAN

Kawasan Pembekalan	Harga RM
Kuching	25.25
Samarahan	22.90
Sri Aman	26.45
Betong	26.45
Sarikei/Bintangor	23.50
Sibu	23.50
Kapit/Song/Belaga	26.45
Mukah	28.50
Bintulu	29.15
Miri/Baram/Marudi	23.25
Limbang/Lawas	24.80

